

# PEKELILING PENGAJARAN-UKM

PEKELILING PENGAJARAN-UKM BIL. 6/2022 (Tarikh: 12/09/2022)

SEMUA WARGA AKADEMIK  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

## PEMATUHAN TERHADAP DOMAIN HASIL PEMBELAJARAN KERANGKA KELAYAKAN MALAYSIA 2.0 BAGI PROGRAM YANG AKAN MELALUI PROSES SEMAKAN OLEH PUSAT PENGAJARAN DAN PEMBANGUNAN KURIKULUM

Merujuk Minit Mesyuarat Senat Ke-488 bertarikh 22 Julai 2022 (Kertas Kerja Bil. 122/2022) dan Mesyuarat Senat Ke-489 bertarikh 24 Ogos 2022 telah meluluskan seperti perkara di atas. Sehubungan itu, pihak Fakulti/Pusat/Institut dimohon mengambil perhatian terhadap perkara ini.

### 1.0 Latar Belakang

1.1 Semua program di UKM akan menggunakan 11 domain pembelajaran dalam pembentukan hasil pembelajaran iaitu pada peringkat Objektif Pendidikan Program (OPP) dan Hasil Pembelajaran Program (HPP) bagi mengatasi permasalahan berikut;

- Kesukaran untuk mengukur ketepatan hasil pembelajaran pelajar sama ada diperingkat Objektif Pendidikan Program (OPP/PEO), Hasil Pembelajaran Program (HPP/PLO) dan juga Hasil Pembelajaran Kursus (HPK/CLO) sekiranya pemetaan tidak dibuat secara jelas dan dipetakan kepada 1 domain sahaja.
- Kekeliruan dalam memetakan kepada taksonomi domain pembelajaran.
- Kekeliruan dalam melaksanakan pengukuran disemua lapisan pemegang taruh.
- Penjajaran konstruktif tidak berlaku dengan baik.
- Ketidakteraturan dari segi pelaksanaan.

## 2.0 Pelaksanaan

2.1 Susunan OPP dicadangkan seperti berikut:

Susunan OPP	Domain Pembelajaran MQF 2.0
1	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pengetahuan dan Pemahaman</li><li>• Kemahiran Kognitif</li><li>• Kemahiran Praktikal</li><li>• Kemahiran Digital</li><li>• Kemahiran Numerikal</li></ul>
2	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kemahiran Interpersonal</li><li>• Kemahiran Komunikasi</li><li>• Kepimpinan, Autonomi dan Kebertanggungjawaban</li></ul>
3	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kemahiran Personal dan Kemahiran Keusahawanan</li></ul>
4	<ul style="list-style-type: none"><li>• Etika dan Profesionalisme.</li></ul>

\*ayat pernyataan OPP tertakluk kepada program / program standard.

2.2 Susunan HPP seharusnya berpandukan susunan domain pembelajaran seperti berikut:

Susunan HPP	Domain Pembelajaran MQF 2.0	Taksonomi
1	Pengetahuan dan Pemahaman	Kognitif
2	Kemahiran Kognitif	Kognitif
3	Kemahiran Praktikal	Psikomotor
4	Kemahiran Interpersonal	Afektif
5	Kemahiran Komunikasi	Afektif
6	Kemahiran Digital (Pilih satu sahaja diperingkat program)	Kognitif/ Afektif/ Psikomotor
7	Kemahiran Numerikal	Kognitif
8	Kepimpinan, Autonomi dan Kebertanggungjawaban	Afektif
9	Kemahiran Personal	Afektif
10	Kemahiran Keusahawanan	Afektif
11	Etika dan Profesionalisme.	Afektif

\*ayat pernyataan HPP tertakluk kepada program/ program standard.

2.3 Fakulti/Pusat/Institut perlu membuat semakan untuk meminda Hasil Pembelajaran Prgram (HPP/PLO) dengan menjadikan bilangannya sekurang-kurangnya 11.

2.4 Bagi program yang tertakluk kepada badan professional, perbincangan bersama perlu dibuat bagi memastikan ia memenuhi keperluan bersama.

2.5 Pelaksanaan akan terpakai kepada semua program yang sedang dalam proses semakan dan program yang telah selesai disemak perlu membuat perubahan **selewat-lewatnya sebelum Disember 2024**.

### 3.0 Tarikh Dikeluarkan

Pekeliling ini dikeluarkan pada 12 September 2022.

### 4.0 Tarikh Kuat Kuasa

Pekeliling ini adalah berkuat kuasa bermula **24 Ogos 2022**.

Oleh itu, pihak Fakulti/Pusat/Institut adalah diminta untuk mengambil perhatian mengenai pematuhan terhadap domain pembelajaran 11 Domain Pembelajaran berdasarkan Kerangka Kelayakan Malaysia 2.0.

Yang benar,



**PROF. IR. DR. AHMAD KAMAL ARIFFIN MOHD. IHSAN**

Pengarah

Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum

- s.k - YBhg. Prof. Dr. Mohammad bin Kassim  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Universiti Kebangsaan Malaysia
- YBrs. Prof. Madya Dr. Imran Abdul Rahman  
Pengarah Pusat Pengurusan Akademik (Akademik-UKM)  
Universiti Kebangsaan Malaysia
- YBrs. Prof. Madya Dr. Roziah Sidik  
Pengarah  
Pusat Jaminan Kualiti  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Rujukan : UKM.PTP.100-1/3/1

Tarikh : 12/09/2022

AKA/diyana:PekelilingBil.6/2022